



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESAN TAHAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP  
PERKEMBANGAN MOTOR KASAR KANAK-KANAK DALAM  
KALANGAN 7 HINGGA 9 TAHUN DI SELANGOR, MALAYSIA***

**ANI MAZLINA DEWI MOHAMED**

**FPP 2020 43**



**KESAN TAHAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP  
PERKEMBANGAN MOTOR KASAR KANAK-KANAK DALAM  
KALANGAN 7 HINGGA 9 TAHUN DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**ANI MAZLINA DEWI MOHAMED**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Mac 2020**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KESAN TAHAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP  
PERKEMBANGAN MOTOR KASAR KANAK-KANAK DALAM  
KALANGAN 7 HINGGA 9 TAHUN DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**ANI MAZLINA DEWI MOHAMED**

**Mac 2020**

**Pengerusi : Borhanuddin Abdullah, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Program Pendidikan Jasmani (PJ) yang berkualiti adalah penting untuk membentuk perkembangan motor kasar kanak-kanak. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap pelaksanaan program PJ di sekolah-sekolah rendah di Selangor dan seterusnya menentukan kesan tahap pelaksanaan PJ terhadap perkembangan motor kasar kanak-kanak. Soal selidik SKPM 2010 diberi kepada 111 guru panitia PJ dan skor penarafan yang direkod digunakan untuk menilai tahap pelaksanaan PJ di sekolah terpilih. Tahap pelaksanaan PJ ini dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Berdasarkan kepada data tahap pelaksanaan tersebut tiga sekolah yang berbeza tahap pelaksanaan (tinggi, sederhana dan rendah) telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian seterusnya. Untuk menentukan keberkesanan tahap pelaksanaan PJ terhadap perkembangan motor kasar kanak-kanak, skor ujian kemahiran motor kasar direkodkan. Ujian ini menggunakan instrumen Test of Gross Motor Development 2 (TGMD-2) yang melibatkan 12 kemahiran lokomotor (berlari, gallop, lari sisi, lenting, lompat sebelah kaki dan lompat jauh berdiri) dan kemahiran manipulatif (pukul bola pegun, menendang bola, menggolek bola, membaling bola, menangkap bola dan melantun bola). Kajian ini melibatkan 605 kanak-kanak (308 lelaki dan 297 perempuan) berumur 7 hingga 9 tahun daripada 3 sekolah yang terpilih. Turut direkod adalah pemboleh ubah kovariat Indeks Jisim Tubuh Badan (BMI), kegiatan aktiviti fizikal (SKAF), dan status sosioekonomi (SES) bagi menentukan hasil perbezaan adalah bukan dipengaruhi oleh pemboleh ubah ini.

Keputusan yang diperolehi daripada bahagian pertama kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya tahap pelaksanaan PJ di sekolah rendah di Selangor adalah di tahap sederhana. Aspek kepimpinan yang berimpak tinggi dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan organisasi sekolah yang cekap dan berkesan mengurus sumber dalam dan luaran perlu ditingkatkan untuk memastikan tahap pelaksanaan PJ di tahap yang tinggi, 3) keberkesanan dan kecekapan pengurusan kurikulum, kokurikulum, sukan dan Hal Ehwal Murid melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, 4) perancangan guru dan pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti tinggi dan 5) keberhasilan Pendidikan Jasmani melahirkan murid yang berpengetahuan, berketrampilan, berakhlak, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri. Antara isu yang dikenalpasti dalam pengurusan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah ialah kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajar PJ dengan berkesan.

Berdasarkan analisis MANOVA yang dijalankan untuk membandingkan skor pra dan skor pasca perkembangan motor kasar di antara tiga tahap pelaksanaan program PJ bagi semua kumpulan umur mendapati terdapat kesan yang signifikan tahap pelaksanaan PJ terhadap skor perkembangan motor kasar kanak-kanak. Walaubagaimana pun, keputusan univariat F skor pra perkembangan motor kasar bagi kumpulan umur 7 tahun menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi skor *Age Equivalent Locomotor* (AEL) manakala kumpulan umur 8 tahun pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi semua skor perkembangan motor kecuali *Age Equivalent Manipulative* (AEM). Keputusan univariat F skor pasca perkembangan motor kasar bagi kumpulan umur 7 tahun menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi Skor Piawai Lokomotor (SPL) dan *Age Equivalent Locomotor* (AEL) manakala kumpulan umur 9 tahun pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi semua skor perkembangan motor kecuali *Gross Motor Development Quotient* (GMDQ). Analisis MANCOVA menunjukkan masih terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani terhadap skor pra dan pasca perkembangan motor kasar walaupun selepas kawalan dibuat ke atas faktor-faktor lain (BMI, SKAF dan SES). Kesimpulannya, tahap pelaksanaan yang berbeza mempengaruhi perkembangan kemahiran motor. Oleh itu, sekolah perlu memastikan pelan yang berkesan untuk menyediakan memastikan pelaksanaan Program PJ yang berkualiti tinggi dalam mencapai matlamat meningkatkan kemahiran motor kanak-kanak.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**EFFECT OF PHYSICAL EDUCATION IMPLEMENTATION LEVEL ON GROSS MOTOR SKILLS DEVELOPMENT AMONG 7 TO 9 YEARS OLD CHILDREN IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

**ANI MAZLINA DEWI MOHAMED**

**March 2020**

**Chairman : Borhanuddin Abdullah, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

A quality Physical Education program is essential for shaping children's motor development. The purpose of this study was to evaluate the level of implementation of the Physical Education program in primary schools in Selangor and to further determine the effect of the implementation of Physical Education on the motor skills development among children. The SKPM 2010 questionnaire was given to Head of Physical Education in 111 schools and the score gathered was used to assess the level of implementation of Physical Education. The implementation level of Physical Education is categorized into three levels; high, medium and low. Based on these implementation level data, three different schools with different implementation levels (high, medium and low) were randomly selected to be the sample for next study. To determine the effectiveness of the Physical Education implementation level on children's motor development, gross motor skills test scores were recorded. This test uses the Test of Gross Motor Development 2 (TGMD-2) instrument which involves 12 locomotive skills (running, galloping, slide running, jumping, hopping, and standing broad jump) and manipulative skills (hitting a stationary ball, kicking a ball, rolling a ball, throwing a ball, catching a ball and dribbling a ball). The study involved 605 children (308 boys and 297 girls) aged 7 to 9 from 3 selected schools. To determine the effects differences were not affected by other factors therefore covariates variables (Body Mass Index, physical activity status, and family income) were also recorded.

The results obtained from the first part of this study showed that overall implementation level of Physical Education in primary schools in Selangor is moderate. To ensure high quality Physical Education implementation, these five areas need to be improved; 1) high impact leadership in improving the quality

of learning and teaching, 2) effective and efficiency of school management in managing the internal and external resources, 3) effectiveness and efficiency of curriculum management, co-curriculum, sports and student affairs produce students who are intellectually, spiritually, emotionally and physically balanced, 4) planning and implementation of high quality teaching and learning processes by teachers and 5) the success of Physical Education to produce students who are knowledgeable, skilled, attitude, responsible and strive for achieving personal wellness.

Based on the MANOVA analysis, it showed there was a significant effect of the Physical Education implementation level on gross motor skills development of children. However, the univariate F results of the gross motor development score for the 7-year-old group showed no significant difference in Age Equivalent Locomotor (AEL) scores, whereas the 8-year-old group showed no significant difference in all motor development scores except Age Equivalent Manipulative (AEM). The results of univariate F post hoc motor development scores for the 7-year-old group showed no significant differences for the Standard Score Locomotor (SPL) and Age Equivalent Locomotor (AEL) scores, whereas the 9-year-old group showed no significant difference in all motor development scores except Gross Motor Development Quotient (GDMQ). MANCOVA analysis showed that there is still a significant difference in the level of implementation of the Physical Education Program on pre- and post-motor skills score even after the covariate factors (Body Mass Index, physical activity and socioeconomic activity) were being controlled. In conclusion, different implementation levels have affected motor skills development. Therefore, schools have to ensure a proper plan to provide a high quality of Physical Education program implementation to help to achieve their objective in enhancing the motor skills development of children.



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas keiznannya, saya dikurniakan kekuatan dan kesabaran dalam tempoh menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya rakamkan kepada pihak-pihak yang menyumbang kepada kejayaan ini.

Kepada Penyelia saya Dr. Borhanuddin Abdullah, terima kasih atas dorongan dan bimbingan yang diberi tanpa jemu bersama-sama dengan ahli jawatankuasa penyeliaan yang lain iaitu Dr. Kok Lian Yee, Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub dan Dr. Aris Fazil Ujang yang sentiasa ada memberi tunjuk ajar dan maklumbalas yang konstruktif terhadap hasil kerja saya. Turut menyumbang kepakaran ialah Prof. Madya Dr. Saidon Amri yang merupakan mantan Penyelia saya yang telah bersara. Semoga Allah kurniakan kesihatan yang baik buat mereka semua agar terus dapat menyumbang kepakaran mereka pada masa akan datang.

Buat pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan para pentadbir sekolah-sekolah rendah di Selangor, terima kasih di atas kebenaran yang diberikan untuk saya jalankan kajian ini, Tidak dilupai jasa dan bantuan para guru dan murid serta ibu bapa yang terlibat sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan,

Khas buat ahli keluarga saya terutamanya suami Anuar Ahmad dan anak-anak; Sufi, Mustaqim dan Harraz terima kasih kerana selalu menitipkan doa dan memberi semangat serta ruang untuk saya melengkapkan tugas penyelidikan ini, Untuk ayahanda dan bonda, Mej (B) Mohamed Awang dan Azizah Abd. Ghani, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana tidak lekang menadah doa agar saya sentiasa berjaya dalam segala urusan yang dilakukan. Pengorbanan mereka semua amat saya hargai.

Akhir kata, saya panjangkan juga ucapan terima kasih saya buat rakan-rakan dan pihak-pihak lain yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan ini. Semoga Allah kembalikan seribu rahmat kepada anda semua di atas kebaikan yang dilimpahkan kepada saya.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Borhanuddin Abdullah, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kok Lian Yee, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Ahmad Fauzi Mohd Ayub, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Aris Fazil Ujang, PhD**

Ketua Jabatan  
Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas  
Kuala Lumpur  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 08 Oktober 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Ani Mazlina Dewi Mohamed, GS28766.

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Borhanuddin Abdullah

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Kok Lian Yee

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Aris Fazil Ujang

## ISI KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.3.1	Objektif Umum	5
1.3.2	Objektif Khusus	5
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Limitasi Kajian	7
1.8	Delimitasi	8
1.9	Definisi Pemboleh Ubah	8
1.9.1	Pendidikan Jasmani	8
1.9.2	Tahap Pelaksanaan Pendidikan Jasmani	8
1.9.3	Kemahiran Motor Kasar	9
1.9.4	Kemahiran Lokomotor	9
1.9.5	Kemahiran Manipulatif	9
1.10	Rumusan	9
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	11
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Perkembangan Motor dan Kemahiran Motor Kasar	11
2.3	Kepentingan Kemahiran Motor Kasar dalam Kalangan Kanak-kanak	12
2.4	Model Perkembangan Motor	12
2.5	Konsep dan Teori Perkembangan Motor	15
2.5.1	Perspektif Ekologikal	16
2.6	Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Motor Kasar kanak-Kanak	17
2.6.1	Aktiviti Fizikal	18
2.6.2	Sosioekonomi	19
2.6.3	Indeks Jisim Tubuh Badan	21
2.7	Pendidikan Jasmani di Malaysia	21

2.8	Status Tahap Pelaksanaan Pendidikan Jasmani	24
2.9	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pelaksanaan Pendidikan Jasmani	25
2.9.1	Kecekapan guru	25
2.9.2	Pentadbiran dan kepimpinan sekolah	27
2.9.3	Peralatan dan kemudahan	28
2.10	Rumusan	29
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>30</b>
3.1	Pendahuluan	30
3.2	Kerangka Konseptual	30
3.3	Rekabentuk Kajian	32
3.4	Populasi dan Sampel	34
3.5	Instrumentasi Kajian	36
3.5.1	Soal selidik Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010	36
3.5.1.1	Kajian Rintis	40
3.5.1.2	Ujian Kebolehpercayaan	40
3.5.2	Soal selidik maklumat diri	40
3.5.3	Soal selidik Kegiatan Aktiviti Fizikal (SKAF)	41
3.5.4	Set Pengukuran Antropometri	41
3.5.5	Ujian Perkembangan Motor Kasar	41
3.6	Prosedur Pengukuran dan Penaksiran	42
3.6.1	Set Pengukuran Antropometri	42
3.6.2	Amalan Kegiatan Aktiviti Fizikal	42
3.6.3	Ujian Perkembangan Motor Kasar	43
3.7	Prosedur Kajian	46
3.8	Pengumpulan Data	46
3.9	Penganalisan Data	49
3.9.1	Persoalan kajian satu: Apakah status tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah rendah?	49
3.9.2	Persoalan kajian dua: Apakah status tahap perkembangan motor kasar kanak-kanak umur 7 hingga 9 tahun?	49
3.9.3	Persoalan kajian tiga: Adakah terdapat perbezaan perkembangan motor kasar kanak-kanak di antara tiga tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berbeza?	49
3.9.4	Persoalan kajian empat: Adakah terdapat kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berbeza terhadap perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun?	50
3.9.5	Persoalan Kajian Lima: Adakah terdapat pengaruh faktor-faktor lain yang mempengaruhi perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun?	50
3.10	Analisis Penerokaan	50
3.10.1	Saiz sampel	51

3.10.2	<i>Multivariate Normality dan Outliers</i>	51
3.10.3	Ujian Kelinearan	51
3.10.4	Homogeneity of Regression	52
3.10.5	<i>Multicolinearity dan Singularity</i>	52
3.10.6	<i>Homogeneity of variance-covariance matrices</i>	52
3.11	Rumusan	53
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>54</b>
4.1	Pendahuluan	54
4.2	Standard Kualiti Pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani di Sekolah-sekolah Negeri Selangor	54
4.3	Kesan Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani	57
4.3.1	Statistik deskriptif	57
4.3.2	Status kemahiran motor kasar berdasarkan tahap pelaksanaan yang berbeza	60
4.3.3	Perbandingan Kemahiran Motor Kasar berdasarkan Tahap Pelaksanaan Program PJ yang berbeza	62
4.3.4	Kesan Perbezaan Tahap Pelaksanaan terhadap Perkembangan Kemahiran Motor Kasar Kanak-kanak	67
4.3.5	Pengaruh Faktor-Faktor Lain yang Mempengaruhi Kemahiran Motor Kasar Kanak-kanak Umur Tujuh hingga Sembilan Tahun.	72
4.4	Rumusan	74
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>75</b>
5.1	Pendahuluan	75
5.2	Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani	75
5.3	Kesan Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani terhadap Perkembangan Motor Kasar Kanak-Kanak	80
5.3.1	Ciri-ciri Kanak-Kanak	80
5.3.2	Prestasi Kemahiran Motor Kasar Kanak-kanak berdasarkan Tahap Pelaksanaan PJ yang Berbeza	82
5.3.3	Kesan Perbezaan Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani terhadap Perkembangan Kemahiran Motor Kasar kanak-kanak	84
5.4	Rumusan	87
5.5	Cadangan	88
5.5.1	Cadangan penambahbaikan tahap pelaksanaan Program PJ	88
5.5.2	Cadangan untuk kajian akan datang	89
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>90</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>101</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>130</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>131</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Fasa Perkembangan Motor Mengikut Umur	13
2.2 Peratusan kanak-kanak yang tidak memenuhi aktiviti fizikal satu jam setiap hari berdasarkan negara dan jantina	19
3.1 Kaedah Persampelan Rawak bagi menentukan bilangan sekolah dari setiap daerah Negeri Selangor	35
3.2 Ringkasan saiz sampel	36
3.3 Bilangan Sampel mengikut Kumpulan Umur dan Tahap Standard Kualiti Pelaksanaan PJ di Sekolah	36
3.4 Deskripsi Pemerihalan Skor	37
3.5 Julat Peratus bagi Kekekapan atau Kuantiti	38
3.6 Tafsiran Pencapaian	38
3.7 Kategori Tahap Pelaksanaan berdasarkan Jumlah Skor	38
3.8 Ringkasan Standard dan Bilangan Item bagi setiap Standard SKPM 2010	39
3.9 Nilai Kritikal Chi-Square	51
3.10 Nilai Korelasi antara Pemboleh ubah bersandar bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca	52
4.1 Data Deskriptif Maklumat Demografi Sekolah	55
4.2 Statistik Deskriptif Tahap Pelaksanaan PJ berdasarkan Skor Keseluruhan Soal Selidik	56
4.3 Min Skor Standard Kualiti Sekolah mengikut Tahap Pelaksanaan	57
4.4 Statistik Deskriptif Perkadaran Jantina mengikut Kumpulan Umur dan Tahap Pelaksanaan PJ	57
4.5 Statistik Deskriptif bagi Pemboleh Ubah Kovariat BMI, SES dan SKAF mengikut Umur dan Tahap Pelaksanaan Program PJ	59
4.6 Statistik Deskriptif Status Kemahiran Motor Kasar berdasarkan Tahap Pelaksanaan PJ mengikut Umur dan Tahap Pelaksanaan	61



4.7	Analisis MANOVA bagi Perbandingan Skor Pra Ujian Kemahiran Motor Kasar Kanak-kanak berdasarkan Tahap Pelaksanaan PJ mengikut Umur	62
4.8	Analisis Ujian <i>Post Hoc Bonferroni</i> bagi Perbandingan Min Skor Pra Perkembangan Motor di antara Tahap Pelaksanaan Mengikut Kumpulan Umur	64
4.9	Analisis MANCOVA untuk Skor Pra Perkembangan Motor Kasar berdasarkan Tahap Pelaksanaan dengan Kawalan Ke atas BMI, SKAF dan SES	66
4.10	Analisis MANOVA bagi Perbandingan Skor Pasca Perkembangan Motor Kasar di antara Tahap Pelaksanaan Mengikut Kumpulan Umur 7 hingga 9 Tahun	67
4.11	Analisis Ujian <i>Post Hoc Bonferroni</i> bagi Perbandingan Min Skor Pasca Perkembangan Motor di antara Tahap Pelaksanaan Mengikut Kumpulan Umur	69
4.12	Analisis MANCOVA untuk Skor Pasca Perkembangan Motor Kasar berdasarkan Tahap Pelaksanaan dengan Kawalan ke atas BMI, SKAF dan SES	71
4.13	Analisis MANCOVA untuk Skor Pasca Perkembangan Motor Kasar Kanak berdasarkan Tahap Pelaksanaan dengan Mengawal Kovariat BMI, SKAF dan SES serta Skor Pra Perkembangan Motor Kasar mengikut Kumpulan Umur	73

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 Objektif kurikulum Pendidikan Jasmani	22
3.1 Kerangka konseptual menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani dan kesannya terhadap perkembangan motor kasar murid	32
3.2 Set Stesen Ujian Lokomotor	43
3.3 Set Stesen Ujian Manipulatif	44
3.4 Proses Pengumpulan Data	44
3.5 Saling Kaitan antara Skor Mentah, AEL, AEM, SPL, SPM dan GMDQ	46
3.6 Carta Alir Aktiviti Penyelidikan	48

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Soal Selidik Standar Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 (SKPM 2010)	101
B	Soal Selidik Kegiatan Aktiviti Fizikal (SKAF)	111
C	Borang Pengukuran Antropometri	117
D	Borang Rekod Ujian Perkembangan Motor Kasar (TGMD-2)	118
E	Jadual Pertukaran Skor Mentah Sub-Ujian kepada Persentil dan Skor Piawai Sub Ujian Lokomotor Lelaki dan Perempuan	125
F	Jadual Pertukaran Skor Mentah Sub-Ujian kepada Persentil dan Skor Piawai Sub Ujian Manipulatif Perempuan	126
G	Jadual Pertukaran Skor Mentah Sub-Ujian kepada Persentil dan Skor Piawai Sub Ujian Manipulatif Lelaki	127
H	Pertukaran Skor Mentah Sub-Ujian kepada Kesetaraan Umur	128
I	Jadual Pertukaran Skor Piawai Sub Ujian kepada Persentil dan Quotient	129

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam usaha memupuk minat dan kecenderungan kanak-kanak agar aktif dalam kegiatan aktiviti fizikal, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan kurikulum Pendidikan Jasmani untuk di ajar di sekolah-sekolah Malaysia. Matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani adalah untuk membina murid menjadi individu yang cergas dan sihat serta berkemahiran, berpengetahuan dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal ke arah mencapai kesejahteraan hidup (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Kurikulum ini diyakini mampu menghasilkan pendidikan yang menyeluruh meliputi domain psikomotor, kognitif dan afektif, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan elemen seperti emosi, rohani dan intelek adalah penting dalam membangunkan potensi pelajar.

Di sekolah Malaysia sama ada sekolah rendah atau menengah, Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran teras yang diajar berpandukan kepada kurikulum standard yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), tempoh masa pengajaran yang diperuntukkan untuk PJ adalah 60 minit sehari dan 6 kali sebulan menjadikan pengoperasiannya adalah 54 jam setahun. Guru Pendidikan Jasmani bertanggungjawab untuk mengoptimalkan masa ini bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah. Pencapaian objektif ini ditetapkan berdasarkan kepada matlamat kurikulum Pendidikan Jasmani iaitu membina murid menjadi individu yang cergas dan sihat serta berkemahiran, berpengetahuan dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal kearah kesejahteraan hidup.

Dalam mencapai objektif kurikulum ini secara total, fokus KSSR PJ menumpukan kepada pembangunan kemahiran motor sebagai asas silibus di mana seawal umur tujuh tahun (darjah satu) kanak-kanak di sekolah rendah diberi pendedahan terhadap aktiviti-aktiviti yang membentuk, membangun dan memperkembangkan kemahiran motor kasar mereka. Aspek perkembangan motor kasar adalah penting kerana ia merupakan faktor yang signifikan dalam menyumbang kepada kelangsungan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti sukan pada masa hadapan (Field & Temper, 2017; Goodway, Famelia & Bakhtiar, 2014; Longmuir, Colley, Wherley & Tremblay, 2014). Dapatan beberapa kajian merumuskan bahawa kanak-kanak yang tidak cekap kemahiran motor kasarnya tidak berupaya melakukan tugas dengan baik dan berkemungkinan tercicir dalam menguasai kemahiran motor yang lebih tinggi (Crane, Naylor, Cook & Temple, 2015; Goodway, Famelia &

Bakhtiar, 2014; Gallahue, Ozmon & Goodway, 2012; Santrock, 2008 & Gallahue, 2006). Menurut Loprinzi, Davis & Fu (2015) dan Piek, Baynam dan Barrett (2006), tahap penguasaan kemahiran motor kasar akan menentukan hasil kompetensi lakuan dan seterusnya tahap kompetensi motor ini memberi implikasi terhadap perkembangan kanak-kanak dan remaja bagi jangka masa panjang (Robinson, Stodden, Barnett, et al. 2015). Dapat disimpulkan kelemahan penguasaan kemahiran motor pada peringkat awal kanak-kanak boleh menyebabkan kerencatan minat kanak-kanak terhadap aktiviti fizikal kerana mempunyai kecergasan fizikal dan keyakinan diri yang lemah. Akibatnya, peningkatan masalah kesihatan akan berlaku selari dengan pertambahan umur.

Dalam memastikan kebercapaian objektif Pendidikan Jasmani tersebut, Tian, Toit & Toriola (2017); Wee (2002) menegaskan satu pengurusan program Pendidikan Jasmani yang baik dan berkesan amat diperlukan. Walau bagaimanapun, beberapa laporan penilaian tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah membuktikan bahawa tahap pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah adalah berbeza-beza. Walaupun matapelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran teras tetapi di sesetengah sekolah mata pelajaran ini tidak mendapat kedudukan sepertimana mata pelajaran teras yang lain sekaligus menyebabkan kejatuhan nilai dan kepentingan kurikulum tersebut sebagai sebuah mata pelajaran yang berupaya membentuk pembangunan diri murid secara holistic. Beliau telah merumuskan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah secara keseluruhannya adalah di tahap yang rendah. Manakala, Syed Kamaruzaman dan Julismah (2010) memperincikan dapatan kajian mereka dengan melihat kepada empat dimensi yang terlibat dalam proses pelaksanaan Pendidikan Jasmani. Mereka mendapati tahap pelaksanaan adalah sederhana dalam aspek strategi pengajaran dan pembelajaran, sederhana dalam aspek penggunaan bahan dan sumber pengajaran, sederhana dalam aspek penggunaan alatan dan kemudahan tetapi tinggi dalam aspek penilaian.

Perbezaan laporan berkaitan status pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah ini menunjukkan tahap pelaksanaannya adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor yang wujud di sekolah tersebut. Menurut Starc & Strel (2012) dalam melaksanakan program Pendidikan Jasmani terdapat beberapa aspek pelaksanaan yang perlu diambil kira antaranya peruntukan masa mengajar dan pencapaian objektif perlulah rasional, persekitaran pengajaran seperti saiz kelas dan nisbahnya dengan peralatan dan kemudahan yang disediakan haruslah mencukupi, guru yang mengajar perlulah bekelayakan dan pertimbangan latarbelakang pelajar yang berbeza. NASPE (2013) menggariskan bahawa Pendidikan Jasmani yang berkesan memberi peluang kepada murid untuk belajar, pembelajaran mengandungi intipati bermakna, arahan yang sesuai dan jelas dan pelaksanaan penilaian sistematik terhadap murid dan program. Ianya selari dengan dapatan kajian oleh Rink dan Hall (2008) bahawa aspek-aspek tersebut menunjukkan hubungan yang positif dalam mempengaruhi tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah.

Kajian oleh Syed Kamaruzaman, Muhammad Akbar, Rahmad Sukor & Wee (2014), mendapati kekangan persekitaran seperti persepsi negatif ibu bapa terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif turut menyumbang kepada kegagalan guru dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani.

Dapat disimpulkan bahawa tahap pelaksanaan program Pendidikan Jasmani ini di sekolah adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh itu, sekiranya program Pendidikan Jasmani di sekolah Malaysia mempunyai masalah dari aspek pelaksanaannya maka pencapaian objektif kurikulum ini akan turut terjejas terutamanya dalam membentuk kemahiran motor kasar kanak-kanak yang mana ianya dilihat sebagai asas kepada pencapaian objektif secara keseluruhan. Kebercapaian objektif ini penting kerana kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani telah dibentuk selari dengan peningkatan umur murid. Justeru itu, bagi tiga tahun pertama persekolahan, kurikulum Pendidikan Jasmani menumpukan kepada aspek pembangunan kemahiran kasar bagi memastikan murid menguasai kemahiran ini supaya dapat diperkembangkan lagi bagi mempelajari kemahiran sukan spesifik yang diajar ketika murid berada dalam darjah empat. Kegagalan untuk menguasai kemahiran motor asas ini akan menjadi kekangan untuk murid menguasai kemahiran aras yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini menilai tahap pelaksanaan Program Pendidikan Jasmani di sekolah rendah yang terpilih. Berdasarkan data status tahap pelaksanaan yang diperolehi, tiga sekolah yang berbeza tahap pelaksanaannya dipilih bagi menentukan kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berbeza ini ke atas tahap perkembangan motor kanak-kanak di sekolah terbabit. Walaubagaimanapun, kajian lepas telah menunjukkan terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi proses perkembangan motor kasar kanak-kanak. Oleh itu, untuk tujuan kajian ini faktor seperti indeks jisim tubuh badan, aktiviti fizikal, dan status sosioekonomi akan diambil kira.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Setiap sekolah di Malaysia menggunakan kurikulum Pendidikan Jasmani yang standard, penggunaan buku teks yang seragam dan diberi peruntukkan masa pengajaran dan pembelajaran yang sama. Walau bagaimanapun, laporan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah menunjukkan pelaksanaannya berada di tahap yang berbeza disebabkan kebergantungan terhadap tahap kesediaan faktor-faktor seperti peralatan dan kemudahan sukan, tenaga pengajar mahir, proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang, penglibatan aktif pelajar, status penerimaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah dan sokongan kewangan. Berikutan pengaruh aspek-aspek tersebut terhadap tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani, maka ia juga turut dilihat memberi implikasi kepada tahap pencapaian objektif



kurikulum Pendidikan Jasmani secara keseluruhannya dan pembentukan kemahiran motor asas kanak-kanak secara spesifik.

Kebercapaian objektif ini adalah penting kerana terbukti perkembangan kemahiran motor kasar mampu meningkatkan pembangunan kompetensi fizikal pelajar bagi jangkamasa tertentu. Justeru itu, penumpuan pembangunan kemahiran motor asas menjadi asas pembelajaran bagi murid darjah satu hingga darjah tiga dan semasa darjah empat dan seterusnya, kurikulum ini memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran sukan spesifik. Tahap penguasaan kemahiran motor yang tinggi akan menggalakkan penglibatan individu dalam aktiviti fizikal dan sukan prestasi tinggi secara berterusan.

Oleh itu kajian ini akan dijalankan bagi menentukan kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani ke atas perkembangan motor kasar kanak-kanak. Maklumat ini penting bagi menjelaskan kepentingan pelaksanaan Pendidikan Jasmani dalam mencapai objektif Pendidikan Jasmani sebagai satu platform untuk murid-murid menguasai kemahiran asas pergerakan. Pencapaian objektif ini adalah penting kerana ia merupakan asas kepada pencapaian objektif kurikulum Pendidikan Jasmani secara total di mana kompetensi dalam perkembangan motor kasar mampu memberi kesan jangka masa panjang terhadap kegiatan aktiviti fizikal kanak-kanak dan seterusnya mempengaruhi gaya hidup mereka dalam mencapai kesejahteraan.

Walaupun bagaimanapun, perlu dijelaskan juga bahawa perkembangan motor kasar kanak-kanak juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti aktiviti fizikal (Cohen, Morgan, Plotnikoff, Callister & Lubans, 2014; Williams Pfeiffer, O'Neill, Dowda, McIver, Brown & Pate, 2008; Graf, Koch, Kretschmann-Kandel, Falkowski, Christ, Coburger, Lehmacher, Bjarnason-Wehrens, Platen, Tokarski, Predel & Dordel, 2004), jisim tubuh badan (Hamilton, Liu, & E1Garhy, 2017; Nervik, Martin, Rundquist, Cleland & Pierce, 2011; Graf, Koch, Kretschmann-Kandel, Falkowski, Christ, Coburger, Lehmacher, Bjarnason-Wehrens, Platen, Tokarski, Predel & Dordel, 2004) dan status ekonomi sosial (Adkins, Bice<sup>1</sup>, Dinkel, & Rech, 2017; Cohen, Morgan, Plotnikoff, Callister & Lubans, 2014; Venetsanaou & Kambas, 2010). Oleh itu, dalam melihat kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani terhadap perkembangan motor kasar kanak-kanak faktor-faktor tersebut ini turut dipertimbangkan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Sehubungan dengan pernyataan masalah yang dikemukakan, berikut adalah objektif kajian yang dijalankan:



### 1.3.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk menentukan kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani terhadap perkembangan motor kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak yang berumur 7 hingga 9 tahun.

### 1.3.2 Objektif Khusus

Berikut adalah objektif khusus kajian ini:

- i) Menentukan standard kualiti tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah rendah.
- ii) Menentukan status tahap perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun.
- iii) Menentukan perbezaan perkembangan motor kasar kanak-kanak di antara tiga tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani mengikut umur.
- iv) Menentukan kesan tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berbeza ke atas perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun di sekolah terpilih.
- v) Menentukan pengaruh faktor-faktor lain (Indeks Jisim Tubuh Badan, amalan kegiatan aktiviti fizikal dan status sosioekonomi) dalam mempengaruhi perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun.

### 1.4 Persoalan Kajian

Sehubungan dengan kenyataan dalam pernyataan masalah dan objektif kajian, maka kajian ini menjawab beberapa persoalan kajian berikut:

- i) Apakah standard kualiti tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah rendah?
- ii) Apakah status tahap perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun?
- iii) Adakah perkembangan motor kasar kanak-kanak di antara tiga tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani berbeza mengikut umur?
- iv) Adakah tahap pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berbeza memberi kesan ke atas perkembangan motor kasar kanak-kanak umur tujuh hingga sembilan tahun di sekolah terpilih?
- v) Adakah faktor-faktor lain memberi kesan ke atas perkembangan motor kasar?

## **1.5 Kepentingan Kajian**

